

HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENGETAHUAN, KESEDIAAN DAN SIKAP
TERHADAP PENGGUNAAN GOOGLE CLASSROOM
DI KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH

NG YI LIN

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganuerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

School of Education
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Teristimewa buat ayah dan ibu tersayang,

Ng Tiam Koi dan Woon Yok Kun

Sekalung penghargaan diucapkan atas segala sokongan,

Semangat dan nasihat yang kalian titipkan...

Tidak dilupakan adik yang dikasihi,

Ng Cai Lin

Terima kasih kerana memberi inspirasi...

Khas buat Dr Zakiah Binti Mohamad Ashari

Terima kasih tidak terhingga atas segala bimbingan, curahan idea yang
menjadi pembakar semangat untuk meneruskan perjuangan ini...

Buat sahabat-sahabat, khasnya pelajar persisir Kluang Ambilan 2019,

Terima kasih kerana menjadi teman yang setia, memahami dan menceriakan
hidup ini...

Sesungguhnya memori yang pernah kita cipta Bersama dan terabadi

Di dalam sanubariku buat selama-lamanya...

PENGHARGAAN

Sepanjang tempoh dalam menyiapkan tesis ini, saya berhubung dengan banyak pihak merangkumi penyelidik, ahli akademik, dan pengamal. Mereka telah menyumbang idea terhadap pemahaman dan pemikiran saya. Khususnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis utama saya, Profesor Dr Zakiah Mohamad Ashari, atas dorongan, bimbingan, pengkritik dan persahabatan. Saya juga sangat berterima kasih kepada penyelia saya Profesor Dr Zainudin Ainudin Bin. Abu Bakar dan Narina Binti A. Samah atas bimbingan, nasihat dan motivasi mereka. Tanpa sokongan dan minat mereka yang berterusan, tesis ini tidak akan sama seperti yang ditunjukkan di sini.

Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas bimbingan, dorongan dan bantuan yang diberikan oleh rakan seperjuangan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap terhadap penggunaan Google Classroom di kalangan guru sekolah rendah. Penggunaan Google Classroom dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting dalam menyediakan persekitaran pembelajaran maya yang kaya dengan sumber pembelajaran lagi menarik. Hubungan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap terhadap guru diberikan tumpuan supaya keberkesanan penggunaan Google Classroom dapat dipertingkatkan. Seramai 335 orang guru sekolah rendah di Daerah Kluang terpilih menjadi sampel dalam kajian. Kajian dilaksanakan dalam bentuk kuantitatif dan data dikumpulkan dengan borang soal selidik yang terdiri daripada 43 soalan. Dapatan hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru terhadap penggunaan Google Classroom di kalangan guru sekolah rendah. Kajian ini memberi implikasi kepada pelbagai pihak terutamanya kepada guru sekolah rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia, pentadbir sekolah dan juga murid sekolah supaya penggunaan Google Classroom dapat diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara optimum. Dengan ini, diyakinkan kualiti pembelajaran guru dapat dipertingkatkan dan menjadi lebih efektif.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the relationship between the level of knowledge, readiness and attitude towards the use of Google Classroom among primary school teachers. The use of Google Classroom in the teaching and learning process is important in providing a rich virtual learning environment with yet engaging learning resources. The relationship between the level of knowledge, readiness and attitude towards teachers is focused so that the effectiveness of the use of Google Classroom can be improved. A total of 335 primary school teachers in Kluang District were selected as the sample in the study. The study was conducted in quantitative form and data were collected with a questionnaire form consisting of 43 questions. The findings of the study show that there is a significant positive relationship between the level of knowledge, readiness and attitude of teachers towards the use of Google Classroom among primary school teachers. This study gives implications to various parties, especially to primary school teachers, Ministry of Education Malaysia, school administrators and also school students so that the use of Google Classroom can be integrated in the teaching and learning process optimally. With this, it is assured that the quality of teacher learning can be improved and become more effective.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif kajian	7
	1.5 Persoalan kajian	8
	1.6 Hipotesis kajian	8
	1.7 Kerangka teori	9
	1.8 Kerangka konsep Kajian	13
	1.9 Kepentingan Kajian	14
	1.9.1 Penyelidik	15
	1.9.2 Guru	15
	1.9.3 Murid	15
	1.10 Skop Kajian	15
	1.11 Batasan kajian	16
	1.12 Definisi istilah	17

1.12.1	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	17
1.12.2	Aplikasi Dalam Talian (<i>online</i>)	18
1.12.3	Google Classroom	18
1.12.4	Pembelajaran maya (Virtual Learning Environment)	19
1.12.5	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC)	19
1.12.6	Pengetahuan	20
1.12.7	Kesediaan	20
1.12.8	Sikap	21
1.13	Rumusan	21
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Pembelajaran Maya (Virtual Learning)	23
2.3	Persekitaran Pembelajaran Maya	25
2.4	Pelantar pembelajaran digital di Malaysia	26
2.5	Model Penerimaan Teknologi (TAM)	28
2.6	Kajian -kajian lepas	30
2.6.1	Penggunaan <i>Google Classroom</i> dalam proses pembelajaran	30
2.6.2	Pengetahuan, kesediaan dan sikap guru.	31
2.7	Rumusan	33
BAB 3	METODOLOGI	35
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.4	Instrumen Kajian	37
3.4.1	Maklumat Demografi	38
3.4.2	Soal selidik mengenai tahap pengetahuan guru	38
3.4.3	Soal selidik mengenai kesediaan guru	39
3.4.4	Soal selidik mengenai sikap guru	40
3.4.5	Rumusan terhadap instrumen yang digunakan	40
3.5	Kajian Rintis	41

3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan bagi Intrumen Kajian	42
3.5.2	Kesahan Kandungan	42
3.5.3	Ujian Ketekalan Dalaman– <i>Cronbach's alpha</i>	43
3.6	Proses Pengutipan Data	45
3.7	Analisis data	46
3.8	Rumusan	49
BAB 4	DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Demografi Responden	50
4.2.1	Umur	51
4.2.2	Jantina	51
4.2.3	Jenis Sekolah	52
4.2.4	Gred Jawatan	52
4.2.5	Tempoh Perkhidmatan	53
4.3	Ujian Normaliti	54
4.4	Analisis terhadap Tahap Pengetahuan, Tahap Kesediaan dan Sikap guru Dalam Penggunaan <i>Google Classroom</i> .	56
4.4.1	Analisis Tahap Pengetahuan, Tahap Kesediaan dan Sikap dalam Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah.	56
4.4.1.1	Analisis Tahap Pengetahuan terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah.	57
4.4.1.2	Analisis Tahap Kesediaan terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah.	64
4.4.1.3	Analisis Sikap terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah.	73
4.5	Analisis Hubungan antara Tahap Pengetahuan, Tahap Kesediaan dan Sikap terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i> di Kalangan Guru Sekolah Rendah, di Daerah Kluang, Johor.	80

4.5.1	Analisis terhadap Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Sikap guru dalam Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah	81
4.5.2	Analisis terhadap Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Kesiediaan guru dalam Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah	82
4.5.3	Analisis terhadap Hubungan antara Tahap Kesiediaan dan Sikap guru dalam Penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan Guru Sekolah Rendah	83
4.6	Rumusan	84
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN		87
5.1	Pengenalan	87
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	87
5.3	Perbincangan	89
5.3.1	Objektif 1: Mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di sekolah rendah.	90
5.3.2	Objektif 2: Mengenalpasti tahap kesiediaan guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di sekolah rendah.	92
5.3.3	Objektif 3: Mengenalpasti sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di sekolah rendah.	93
5.3.4	Objektif 4: Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di sekolah rendah.	94
5.3.5	Objektif 5: Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan guru dengan kesiediaan guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di sekolah rendah.	95
5.3.6	Objektif 6: Mengenalpasti hubungan antara kesiediaan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di sekolah rendah.	96
5.4	Limitasi Kajian	97
5.5	Implikasi Kajian	98

5.5.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	99
5.5.2	Pentadbir Sekolah	99
5.5.3	Guru Sekolah	99
5.5.4	Murid	100
5.6	Cadangan Kajian	100
5.7	Rumusan	101
	RUJUKAN	103

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Jumlah sampel kajian mengikut sekolah	37
Jadual 3.2	5 skala Likert pada Tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> .	38
Jadual 3.3	5 skala Likert pada kesediaan guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> .	39
Jadual 3.4	5 skala Likert pada sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> .	40
Jadual 3.5	Rumusan bagi instrumen dan item-item yang digunakan	41
Jadual 3.6	Nilai Alpha Cronbach bagi Tahap pengetahuan guru	43
Jadual 3.7	Nilai Alpha Cronbach bagi Tahap Kesediaan guru	44
Jadual 3.8	Nilai Alpha Cronbach bagi Sikap guru	44
Jadual 3.9	Pengiraan skor min.	46
Jadual 3.10	Skala Skor Min dan Interpretasi.	47
Jadual 3.11	Klasifikasi Kekuatan kolerasi	48
Jadual 3.12	Ukuran dan analisis data	48
Jadual 4.1	Taburan responden berdasarkan umur.	51
Jadual 4.2	Taburan responden berdasarkan jantina.	51
Jadual 4.3	Taburan responden berdasarkan jenis sekolah.	52
Jadual 4.4	Taburan responden berdasarkan gred jawatan.	52
Jadual 4.5	Taburan responden berdasarkan tempoh perkhidmatan.	53
Jadual 4.6	Ujian normaliti bagi setiap pemboleh ubah berdasarkan nilai skewness dan kurtosis.	54
Jadual 4.7	Ujian normaliti bagi setiap pemboleh ubah berdasarkan ujian <i>Shapiro-Wilk</i> .	55
Jadual 4.8	Skor min dan sisihan piawai bagi Tahap Pengetahuan, tahap kesediaan dan sikap terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i> .	56
Jadual 4.9	Tahap Pengetahuan terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> bagi setiap item.	59

Jadual 4.10	Rumusan tahap pengetahuan terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan guru sekolah rendah	63
Jadual 4.11	Tahap Kesiediaan teknikal terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> bagi setiap item.	65
Jadual 4.12	Tahap Kesiediaan pedagogi terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> bagi setiap item.	70
Jadual 4.13	Rumusan tahap kesiediaan terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan guru sekolah rendah	72
Jadual 4.14	Perasaan Kebergunaan terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> bagi setiap item.	74
Jadual 4.15	Perasaan Kemudahgunaan terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> bagi setiap item.	77
Jadual 4.16	Rumusan bagi sikap terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> di kalangan guru sekolah rendah	80
Jadual 4.17	Analisis kolerasi bagi Hubungan antara tahap pengetahuan guru dan sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> .	81
Jadual 4.18	Analisis kolerasi bagi Hubungan antara tahap pengetahuan guru dan kesiediaan guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> .	82
Jadual 4.19	Analisis kolerasi bagi Hubungan antara tahap kesiediaan guru dan sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> .	83
Jadual 4.20	Rumusan Dapatan Kajian	84

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka Teori Reflektif Wallace (1991)	13
Rajah 1.2	Kerangka konsep kajian	14
Rajah 2.1	statistic google trends	27
Rajah 3.1	Rumus korelasi pearson	47

SENARAI SINGKATAN

DELIMa	-	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
ICT	-	Information and Communications Technology
PdPc	-	Pembelajaran dan pemudahcaraan
PdPR	-	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan
TAM	-	Model Penerimaan Teknologi
TRA	-	<i>Theory of Reasoned Action</i>
TRI	-	<i>Technology Readiness Index</i>
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
VLE		Visual Learning Enviroment

SENARAI SIMBOL

μ	-	Skor min
r	-	nilai korelasi
x	-	variabel x
y	-	variabel y
%	-	Peratusan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Menentukan Size Sampel dari Jadual Krejcie and Morgan (1970)	108
Lampiran B	Borang Soal Selidik	109
Lampiran C	Borang Validiti Pakar	114
Lampiran D	Surat Pengesahan Status Pelajar	131

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi ini, sistem pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan pesat. Sektor industri pendidikan di Malaysia semakin berubah secara dinamis dan mengalami banyak perubahan dan pembaharuan menjelang abad ke-21. Perkembangan teknologi telah menyebabkan berlakunya perubahan-perubahan dari aspek penggunaan pendekatan, strategi, kaedah, teknik, alat, sumber dan bahan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dalam sistem pendidikan Malaysia. Hjetland (1995) menyatakan bahawa “Technology can make our lives easier. Everyday tasks are simplified”. Beliau mengatakan dimana teknologi dapat mempermudah tugas serta meningkatkan prestasi guru dalam penggunaan teknologi supaya mempermudah urusan kerja serta kerja-kerja pengajaran pembelajaran.

Pada masa kini, penggunaan teknologi terutamanya aplikasi-aplikasi dalam pendidikan telah memainkan peranan yang penting dalam rutin pengajaran dan pemudacaraan guru di sekolah. Latihan-latihan khas pula dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada guru-guru untuk menghadapi era pendidikan sekarang yang kian berubah. Mulai Tahun 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif memperbaiki sistem rangkaian komputer kepada 10,000 buah sekolah melalui projek 1BestariNet. 1BestariNet dirancang untuk menyelesaikan kelemahan sistem rangkaian internet di sekolah awam dalam Malaysia, ia membekalkan akses internet yang stabil kepada semua sekolah, rangkaian WAN dan LAN serta persekitaran pembelajaran maya (Virtual Learning Environment, VLE). Teknologi yang canggih menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan dalam kelas. Dengan bantuan aplikasi dalam Pendidikan, guru pula dapat menyampaikan konsep-konsep pengajaran dengan lebih jelas dan ringkas. Semakin banyak guru telah membangunkan cara tersendiri dalam pembelajaran

dengan penggunaan alat-alat teknologi. Menurut kajian “Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM” yang dijalankan oleh Norladinah Binti Aziz dan Lai Wei Sieng pada tahun 2019, dapatan kajian telah jelas menunjukkan penggunaan teknologi adalah faktor yang amat penting untuk melahirkan modal insan yang berilmu tinggi supaya dapat mendatangkan manfaat dan kebaikan terutama dalam pendidikan dan sosio ekonomi negara.

Dari segi pembangunan infrastruktur Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil berat terhadap usaha dalam menyokong kemudahan penggunaan teknologi dalam persekitaran sekolah. Dalam pelan Tranformasi ICT Kementerian Pendidikan Malaysia (2019-2023), pelan ini telah bermatlamat demi memperkukuhkan lagi infrastruktur ICT bagi menangani isu semasa dan menyokong persekitaran aplikasi baharu. Lima tema strategik telah dirangka untuk mencapai matlamat tersebut. Salah satu daripada tema strategik adalah membincangkan tentang pengurusan aset dan perkakasan ICT yang efisien di institusi Pendidikan dan seluruh KPM. Cadangan ini bertujuan untuk melaksanakan proses dan prosedur yang dapat memantapkan pengurusan aset ICT.

Selain daripada pembangunan infrastruktur pada asset teknologi, penggunaan dan pemilihan pelantar ICT dalam pendidikan pula merupakan isu yang perlu dipentingkan. Demi menghadapi era globalisasi yang kian berubah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah banyak mempromosikan aplikasi dalam talian yang dapat menyokong dalam merealisasikan pembelajaran maya. Izenstark dan Leahy (2015) menunjukkan penggunaan *Google Classroom* mendatangkan banyak faedah termasuknya guru dan pustakawan. Bagi guru, mereka boleh menghantar dan mengumumkan tugas dengan pilihan perbincangan secara langsung tanpa menggunakan forum atau alat perbincangan yang berasingan. Tambahan pula, mereka dapat memberi gred markah secara langsung dan maklum balas kepada pelajar melalui *Google Docs* kerana tugas dapat disimpan secara automatik di dalam *Google Drive*.

Disamping pula, *Google Classroom* pada hari ini menjadi trend utama sebagai pelantar baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat global mahupun nasional. Walaupun proses pengintegrasian *Google Classroom* telahpun dilaksanakan

secara beransur-ansur, timbulnya juga guru-guru yang menghadapi masalah disebabkan kekurangan dari segi tahap pengetahuan dan kesediaan terhadap kemahiran dalam bidang penggunaan *Google Classroom*. Hal ini secara langsungnya telah mempengaruhi sikap guru semasa mengintegrasikan *Google Classroom* dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) mereka.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pandemik Covid-19 yang merebak diseluruh dunia telah memaksakan rakyat Malaysia untuk menyesuaikan diri dalam norma baharu. Kehidupan dan aktiviti harian masyarakat kini telah mengalami perubahan yang besar. Banyak sektor utama dalam Malaysia telah terkesan akibat pandemic COVID-19 terutamanya sektor pendidikan. Pada masa ini, segala proses pengajaran dan pembelajaran terpaksa dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian. Semua pendidik termasuklah guru dari sekolah rendah juga mengambil pendekatan ini apabila sekolah terpaksa ditutup akibat kes jangkitan penyakit covid-19 semakin meningkat secara mendadak. Secara tidak langsungnya, para pendidik dan pelajar terpaksa menerima perubahan kaedah yang baru dan keperluan penggunaan teknologi pula dipertingkatkan sehingga maksima.

Dalam peringkat sekolah rendah pula, semua guru dan murid diminta belajar dari rumah pada masa ini. Hal ini telah mewujudkan banyak halangan dan cabaran kerana proses pdpc hanya boleh dilaksanakan secara dalam talian. Para guru haruslah menyesuaikan diri dengan penggunaan pelantar ICT yang baru dalam proses pengajaran harian mereka.

Di Malaysia, pembelajaran maya bukan merupakan satu kaedah yang baru., beberapa inisiatif telah diambil. Sebagai contohnya, Kementerian Pelajaran Malaysia mengumumkan (*Virtual Learning Environment*) VLE frog menjadi pelantar dalam mempertingkatkan penggunaan teknologi di sekolah. Pelantar VLE sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu. Pada tahun 2013, pelantar VLE Frog telah diintegrasikan

dalam system pendidikan secara menyeluruh di semua hampir 10,000 buah sekolah di Malaysia. VLE Frog merupakan satu inovasi pembelajaran yang berasaskan rangkaian internet di mana ia menggabungkan konsep pembelajaran tradisional dalam persekitaran maya yang bertujuan untuk menambahbaiki sistem Pendidikan Malaysia (Razali, Bahador & Saidon, 2016). Walaubagaimanapun, pelaksanaan pelantar VLE telah menghadapi banyak cabaran dan halangan. Menurut Chin Sak Fatt (1993), kebanyakan guru tidak menggunakan alatan teknologi seperti computer semasa porses pembelajaran. Tajul Ariffin (1997), mendapati kebanyakan pendidik masih mempunyai sikap fobia terhadap komputer serta menunjukkan sikap yang negatif untuk menggunakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan perubahan ini bukan sahaja gagal mempermudah tugas dalam kalangan guru tetapi pula menjadikan satu bebanan kepada mereka. Hasil statistik yang dipaparkan oleh kerajaan telah menunjukkan kadar penggunaan pelantar Frog VLE yang sangat rendah. Keputusan ini menggambarkan pelaksanaan Frog VLE masih mempunyai banyak kelemahan dan kekangan yang perlu ditandatangani oleh pihak yang berkenaan.

Namun begitu, kegagalan pelaksanaan VLE frog dalam sekolah tidak dapat menafikan manfaat ditawarkan ICT dalam bidang pendidikan. Demi memantapkan penggunaan ICT dalam peringkat sekolah malahpun institusi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha sedaya upaya dalam menangani cabaran yang dihadapi dengan menyalurkan lebih wang, tenaga dan masa. Kebelakangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan penggunaan platform baru yang dinamakan DELIMa, ataupun *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* iaitu sebuah pelantar pendidikan yang berkerjasama bersama-sama dengan *Apple*, *Google* dan *Microsoft*. Pelantar DELIMa ini menggabungkan ketiga-tiga platform dan sumber pendidikan digital syarikat-syarikat ini. Sehubungan itu, semua pendidik dan pelajar dapat mengakses *Apple Teacher Learning Center*, *Google Classroom* dan *Microsoft 365* melalui laman web DELIMa.

Dalam tempoh melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran melalui platform DELIMa, kebanyakan guru telah memilih *Google Classroom* sebagai alat pelantar. Malangnya, pembelajaran dalam talian sepanjang masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menimbulkan banyak halangan dan cabaran, selain daripada capaian

internet yang tidak stabil, adanya dikalangan guru yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat. Para guru bukan sahaja harus merancang semula kaedah pengajaran harian tetapi juga harus belajar untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran pembelajaran dalam talian. Keadaan ini secara tidak langsungnya menambahkan beban tugas guru dan stress guru pula meningkat.

Pada pandangan pendidik, *Google Classroom* merupakan pelantar Pendidikan yang lebih mudah untuk dipelajari dan diakses (Rajaendram, 2019). Tambahan lagi, *Google Classroom* menunjukkan keistimewaannya dari segi kos yang rendah, dimana ianya dapat diakses secara percuma. Disamping itu, *Google Classroom* juga menyokong sambungan kepada aplikasi *Google* yang lain seperti *Google form*, *Google Drive*, *YouTube* dan sebagainya (Bondarenko, Mantulenko, & Pikilnyak, 2018). Fungsi-fungsi yang dinyatakan diatas amat mempermudah dan memberi manfaat terutamanya kepada pengguna aplikasi *Google* (Beaumont, 2018). Kenyataan ini terbukti kerana generasi muda pada hari ini adalah lebih mahir terhadap aplikasi *Google* tanpa pengira peringkat umur dan latar belakang sosio-ekonomi.

Memandangkan teknologi telah berkembang pesat di seluruh dunia, penggunaan terhadap peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba yang semakin canggih pula digunakan secara berleluasa. Hal ini mendatangkan kesan positif kepada para pengguna teknologi dimana kos alatan teknologi menjadi semakin murah dan mampu dimiliki. Secara tidak langsungnya, kebiasaan dan kemahiran pengguna akan dipertingkatkan dan akan menghapuskan sikap negatif terhadap teknologi. Dari segi pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha dalam memperbanyakkan Latihan dan kusus dalaman terhadap kemahiran penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Segala usaha yang dilakukan bukan sahaja dapat meningkatkan profesionalisme perguruan pada masa yang sama juga dapat mengurangkan kerisauan guru semasa megintegrasikan teknologi dalam proses pengajaran harian mereka (Izenstark & Leahy, 2015). *Google Classroom* sebagai pelantar pengajaran ataupun sistem pengurusan telah diterapkan secara beransur-ansur di sekolah awam secara rasmi. Pembaharuan ini diharapkan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada guru dalam menghasilkan persekitaran pembelajaran yang kaya dengan sumber pembelajaran. Penggunaan *Google Classroom* secara sistematik lagi

efektif pula membantu guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik lagi menarik.

1.3 Penyataan Masalah

Kebelakangannya, pandemik COVID-19 telah merebak diseluruh dunia. Kerajaan Malaysia terpaksa melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh negara. Justeru, kebanyakan sektor kerajaan dalam negara merangkumi sektor Pendidikan terpaksa ditutup supaya dapat memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia. Hal ini secara langsungnya menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah terjejas. Demi menyelesaikan masalah ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan proses pengajaran dan pembelajaran digantikan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Segala aktiviti pembelajaran diteruskan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Perubahan kaedah baru ini telah mempengaruhi guru-guru terpaksa menerima norma yang baharu. Kebanyakan guru menghadapi kesukaran dalam melaksanakan proses pengajaran secara dalam talian. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian juga dipersoalkan. Justeru, pelbagai kajian telah dijalankan secara meluas untuk memahami keberkesanan atau keberkesanan e-pembelajaran di kalangan pelajar sekolah rendah, menengah dan mahasiswa. Namun begitu, tidak banyak kajian yang telah dilaksanakan untuk memahami tahap Pengetahuan, Kesiediaan dan sikap terhadap guru khususnya dalam penggunaan Google classroom. Adakah guru-guru sekolah rendah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam penggunaan aplikasi *Google Classroom*? Sejauhmanakah kesiediaan dan sikap guru terhadap penggunaan aplikasi *Google Classroom* dalam pdpc.

Selain itu, kompeten dan keyakinan diri guru untuk mengajar dengan menggunakan aplikasi Google Classroom juga perlu difikirkan. Untuk melaksanakan e-pembelajaran dengan berkesan, guru harus menjalankan persediaan yang memerlukan perancangan bertepatan dengan tujuannya. Disamping itu, tugas yang diberikan harus berkait

rapat dengan minat anak murid. Masalah yang dihadapi oleh murid semasa pembelajaran maya dilaksanakan juga perlu dikaji secara mendalam. Tambahan pula, guru juga harus melengkapkan diri dengan kebolehan dalam mengadaptasi pembelajaran maya melalui penggunaan Google Classroom dalam pengajaran harian.

Kajian ini akan memberi peluang kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk memahami kekangan yang perlu diatasi untuk menjayakan salah satu aspek dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kajian ini berharap dapat menilai adakah pembelajaran maya dengan menggunakan aplikasi *Google Classroom* berkesan dan disenangi dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di Malaysia.

1.4 Objektif kajian

Objektif-objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

Mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

Mengenalpasti tahap kesediaan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

Mengenalpasti sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

Mengenalpasti hubungan antara pengetahuan guru dengan kesediaan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

Mengenalpasti hubungan antara kesediaan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

1.5 Persoalan kajian

Berikut adalah soalan-soalan kajian yang berkaitan dengan objektif kajian.

Apakah tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah?

Apakah tahap kesediaan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah?

Apakah sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah?

Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah?

Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan guru dengan kesediaan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah?

Adakah terdapat hubungan antara kesediaan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

1.6 Hipotesis kajian

Untuk memenuhi objektif di atas hipotesis nol dirumuskan seperti berikut:

H01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

H02 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kesediaan guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

H03 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dengan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* di sekolah rendah.

1.7 Kerangka teori

Kerangka dalam kajian yang dijalankan adalah berlandaskan Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model) oleh Davis et al. (1989). Model Penerimaan Teknologi (Davis 1989; Davis et al. 1989) diperkembangkan dari Teori Tindakan Bersebab (Theory of Reasoned Action) (Ajzen & Fishbein 1980; Fishbein & Ajzen 1975). Teori Tindakan Bersebab menekankan bahawa kepercayaan dan cara pemikiran seseorang dapat mempengaruhi sikap. Beliau menekankan bahawa sikap seseorang boleh mempengaruhi perubahan tingkah laku seseorang individu.

Berdasarkan teori ini, guru yang mengalami kekangan dan rasa takut dalam penggunaan internet kebanyakan disebabkan mereka mempunyai tahap kemahiran yang rendah dalam penggunaan Internet. Sebaliknya, guru yang berkemahiran tinggi dalam penggunaan teknologi biasanya menunjukkan sikap yang proaktif dan positif terhadap penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini secara langsungnya akan membawa manfaat kepada pencapaian penggunaan Internet sebagai medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Davis (1989) telah telah mengemukakan justifikasi baru yang lebih jelas mengenai model penerimaan teknologi untuk menerangkan penerimaan pengguna terhadap teknologi komputer. Beliau bermatlamat untuk membuktikan pembolehubah seperti kepercayaan pengguna dan sikap boleh mempengaruhi perubahan tingkahlaku. (Lu et al., 2003).

Model Penerimaan Teknologi (TAM) memiliki tujuan untuk menjelaskan dan membuat anggapan penerimaan pengguna terhadap suatu teknologi. TAM adalah model yang ditransformasi dari TRA dan dipercayai boleh meramalkan tahap penerimaan pengguna berdasarkan dua sub-konstruk iaitu kebolegunaan (perceived usefulness) dan kemudahan (perceived ease of use) (Davis, 1989). Berdasarkan teori ini, boleh jelas dilihat hubungan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru dalam penggunaan *Google Classroom*.

Antara adalah perspektif-perspektif yang terkandung dalam Model penerimaan Teknologi (Davis et al., 1989) telah menjelaskan hubungan antara tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom*:

Perspektif Kemudahgunaan (Perceived Ease of Use)

Perspektif kemudahgunaan merupakan satu rasa keyakinan pada pengguna bahawanya teknologi informasi yang akan diaplikasikan adalah sesuatu perkara yang senang dan tidak membebankan mereka. Davis (1989) juga menyatakan bahawa perspektif kemudahan pengaplikasian (*perceived ease of use*) merupakan sebuah tingkatan dimana seseorang percaya bahwasanya penggunaan sistem tertentu, mampu mempermudah proses semasa melakukan sesuatu kerja. Dalam kajian ini, Kadar penggunaan *Google Classroom* dan interaksi antara pengguna (user) dengan *Google Classroom* juga mampu menunjukkan kemudahan penggunaan. Sistem yang lebih sering digunakan menunjukkan bahawa sistem tersebut lebih dikenal, lebih mudah dioperasikan dan lebih mudah digunakan oleh penggunanya.

Sikap Terhadap Pengaplikasian (Attitude Toward Using)

Menurut Aakers dan Myers (1997), Sikap Terhadap Pengaplikasian merupakan sikap pro atau kontra terhadap pengaplikasian sesuatu kemahiran. Sikap pro atau kontra terhadap sesuatu kemahiran ini dapat diaplikasikan atau digunakan untuk memprediksi tingkah laku ataupun niat seseorang untuk menggunakan suatu produk atau tidak menggunakannya. Sikap terhadap pengaplikasian teknologi (*attitude toward using technology*), diartikan sebagai evaluasi dari pengguna tentang keingintahuannya dalam menggunakan teknologi.

Perilaku Keinginan Untuk Menggunakan (Behavioral Intention to Use)

Behavioral intention to use adalah kecenderungan perilaku untuk tetap mengaplikasikan sebuah teknologi (Davis, 1989). Apabila seseorang menimbulkan rasa keinginan untuk menggunakan sesuatu alat teknologi, maka dia akan mula meneroka dan mempelajari kemahiran yang diperlukan dengan usaha dirinya. Sebagai contoh, seseorang guru yang mempunyai keinginan untuk menggunakan

Google Classroom dalam proses pdpc, beliau akan bertindak untuk memahami cara penggunaan aplikasi tersebut.

Pemakaian sebenar (*Actual Use*)

Pemakaian sebenar (*actual system usage*) membawa maksud kepada maklum balas yang diperolehi oleh pengguna selepas mengaplikasikan sesuatu sistem atau alat teknologi (Davis,1989). Individu hanya akan merasa senang untuk menggunakan sesuatu sistem jika mereka yakin bahawa sistem yang digunakan adalah mesra pengguna lagi terbukti dapat mempertingkatkan produktiviti kerja mereka. Pemakaian aktual (*actual system usage*) adalah boleh diukur dari segi kekerapan penggunaan terhadap sesuatu sistem baru. Ia dapat diukur melalui jumlah waktu akses dan berinteraksi oleh para pengguna dalam sistem teknologi tersebut.

Kesesuaian Tugas (*Job Fit*)

Thompson et al. (1991) menjelaskan kesesuaian tugas adalah konsep yang merujuk kepada seberapa baik pekerja sesuai dengan kedudukannya. Menggaji pekerja yang paling sesuai untuk jawatannya adalah cara yang baik bagi organisasi untuk mengurangkan perolehan (baik secara sukarela dan tidak sukarela) dan untuk meningkatkan pekerja kadar ketekalan. Kesesuaian tugas diinterpretasikan sebagai koresponden antara kebutuhan tugas, kemampuan seseorang dan fungsi dari teknologi. Kesesuaian tugas dan teknologi dipengaruhi diantaranya oleh hubungan antara keistimewaan individu pemakai, teknologi yang diaplikasikan, dan tugas yang berlandaskan teknologi.

Pengalaman (*Experience*)

Pengalaman boleh ditarifkan satu proses di mana individu menyedari dunia di sekitarnya. Pengalaman dapat disertai dengan kesedaran aktif dari pihak yang mempunyai pengalaman ataupun tidak. Kajian Taylor dan Todd (1995) dalam meneliti pengguna yang berpengalaman, juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang signifikan antara minat dan perilaku pengguna dalam menggunakan suatu teknologi (*behavioral usage*) suatu teknologi yang berpengalaman.


Kerumitan (*Complexity*)

Thompson et.al (1991) mengatakan bahawa semakin kompleks suatu sistem baru atau inovasi, ia secara langsung akan memberi kesan yang negatif pada kadar penggunaannya. Kejayaan pencipta sesuatu inovasi dalam teknologi biasa dipengaruhi oleh pemahaman pengguna sewaktu menggunakannya.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Davis, beliau mendapati bahawa tahap pengetahuan dalam menggunakan teknologi mempunyai korelasi yang lebih signifikan berbanding dengan tahap kemudahan teknologi. Tambahan pula, konstruk kemudahan sesuatu sistem telah menjadikan salah satu faktor yang mempengaruhi konstruk tahap pengetahuan pengguna secara tidak langsung (Ma & Liu 2004). Model TAM pula digunakan secara meluas dalam bidang penggunaan teknologi komputer dan teknologi maklumat. Misalnya Davis (1993) menggunakan model TAM dalam usaha menjelaskan sebab pengguna menerima atau menolak dalam penggunaan teknologi maklumat. Disamping pula, model TAM pula membantu dalam mengetahui sejauhmana penerimaan pengguna terhadap sesuatu sistem teknologi yang baru. 112 responden yang terdiri daripada kakitangan profesional dan pengurusan Amerika Syarikat Utara telah terpilih sebagai responden dalam kajian. Penyelidik menggunakan kaedah analisis regresi berganda untuk menguji pembolehubah dalam model TAM berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan kegunaan dan tahap kemudahan menggunakan terhadap sikap dalam penggunaan sistem teknologi baharu.

Selain daripada Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang berbincang tentang pengaruh tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap penggunaan teknologi dalam proses pdpc, Kesiediaan guru pula banyak mempengaruhi dalam kajian yang dijalankan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kesiediaan bermaksud sedia, kesanggupan dan kerelaan. Dalam kajian ini, kesiediaan yang dimaksudkan adalah kesanggupan dan kerelaan guru untuk menerima perubahan dan cabaran dalam mempelajari dan menggunakan *Google Classroom* dalam pdpc mereka demi menghadapi pandemik covid-19 yang tidak dijangkai.


Teori reflektif Wallace (1991) mengatakan setiap pendidik mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang berkaitan dengan bidang profesionalismenya. Seseorang guru yang menerima latihan profesionalisme sanggup menghubungkan pengetahuan baharu (received knowledge) dengan pengetahuan sedia ada melalui pengalaman yang lalu (experiential knowledge). Pengetahuan baharu dan pengalaman sedia ada adalah saling bergantung antara satu sama lain bagi membolehkan guru lebih bersedia untuk melaksanakan tugas profesionalnya.



1.8 Kerangka konsep Kajian

Dalam kajian ini, kerangka konsep dibentuk berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian seperti yang ditentukan sebelumnya. Satu kerangka konsep kajian telah dibina seperti dalam Rajah 1.1. Menurut Iskandar (2008) kerangka konsep yang baik mestilah merangkumi pembolehubah kajian yang jelas dan pembolehubah saling berkaitan melandaskan teori yang dikaji. Tambahan pula, kerangka konseptual perlu dinyatakan dalam bentuk carta supaya masalah yang dikemukakan dapat dipaparkan dalam bentuk yang mudah dibaca dan difahami. Oleh itu, kerangka konsep kajian ini

dapat menggambarkan isi dan focus yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Pembinaan kerangka teori kemudian dapat membantu pengkaji dalam perancangan dan pemilihan kaedah penganalisan yang sesuai dalam usaha mencapai objektif kajian dan juga sanggup menjawab soalan dalam kajian yang dijalankan nanti.



Rajah 1.2 Kerangka konsep kajian

Berdasarkan rajah 1.2 diatas, tahap pengetahuan, kesiediaan dan sikap guru mewakili pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini manakala tahap penggunaan *Google Classroom* mewakili pembolehubah bersandar.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan mestilah bermakna dan mempunyai kepentingannya dalam memberi implikasi dalam memperbaiki atau mencari penyelesaian berfokus kepada masalah yang dikenalpasti dalam kajian yang dijalankan. Kajian ini adalah untuk mengukur tahap pengetahuan, kesiediaan dan sikap guru terhadap penggunaan google dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Kluang. Di samping itu, kajian ingin meninjau hubungan antara pengetahuan, kesiediaan guru dan sikap guru dalam penggunaan *Google Classroom*. Antaranya adalah pihak-pihak yang dijangka dapat menerima manfaat melalui kajian yang dilaksanakan:

1.9.1 Penyelidik

Kajian ini dapat memberi pengalaman dan pendedahan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian. Penyelidik juga mendapat input mengenai tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru terhadap penggunaan *google* dalam kalangan guru sekolah rendah di daerah Kluang.

1.9.2 Guru

Kajian ini membantu guru dalam memahami tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap mereka dalam penggunaan *Google Classroom* dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Kajian ini dapat mendorong guru yang bermotivasi rendah dan kurang berkeyakinan dalam menjalankan e-pembelajaran supaya mereka berani dalam menghadapi sebarang perubahan dan cabaran dalam pedagogi mengikut situasi.

1.9.3 Murid

Kajian ini membantu guru sekolah dalam memahami kebolehan dan kesediaan diri mereka dalam melaksanakan proses pdpc dengan melalui pelantar *Google Classroom*. Secara langsungnya, murid berpeluang menerima manfaat sekiranya guru-guru mereka mempunyai pengetahuan yang mantap, kesedaran dari segi kesediaan dan sikap yang positif dalam melaksanakan e-pembelajaran melalui *Google Classroom*. Murid – murid dapat belajar di persekitaran e-pembelajaran yang sihat dan selamat.

1.10 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada penggunaan *Google Classroom* di kalangan guru sekolah rendah antara aspek-aspek tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap. Kajian ini juga menumpukan perhatian kepada hubungan antara pengetahuan, kesediaan dan sikap terhadap penggunaan *Google Classroom* di kalangan guru sekolah rendah. Di

samping itu, pengkaji akan menjalankan kajian terhadap guru sekolah rendah di daerah Kluang.

1.11 Batasan kajian

Dalam kajian ini, penggunaan *Google Classroom* telah dikaji dari tiga aspek di mana melibatkan tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru. Terdapat beberapa batasan atau limitasi dalam kajian ini.

Responden kajian ini hanya terdiri daripada guru sekolah rendah dipilih secara rawak sahaja dalam daerah Kluang. Keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili konteks persekitaran Malaysia. Namun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada organisasi dalam mengenal pasti hubungan antara pengetahuan, kesediaan dan sikap guru dengan penggunaan *Google Classroom*.

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang dilaksanakan secara kuantitatif. Dengan ini, segala maklum balas responden akan dikumpul dan diproses melalui borang soal selidik dan dianalisis secara statistik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran responden sewaktu menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik.

Kajian ini juga merupakan kajian jangka masa pendek yang dilaksanakan mengambil masa kurang daripada setahun. Ianya disebabkan oleh sumber, tenaga dan masa yang terhad. Justeru, pengumpulan data tidak dapat dijalankan dengan melibatkan responden secara meluas. Hal ini menjadikan hasil kajian kurang sesuai digeneralisasikan di seluruh Malaysia.

1.12 Definisi istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Berikut adalah konsep dan definisi operasi istilah seperti yang digunakan dalam kajian ini.

1.12.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Secara umumnya, ICT merupakan berasaskan daripada perkataan '*Information and Communication Technology*' yang membawa maksud Teknologi Komunikasi Maklumat. Menurut Paisley dan Chen (1982) di petik daripada Brown (1997) maklumat merupakan hasil yang diperolehi melalui proses pemprosesan, pengumpulan dan penganalisan. Secara rumusnya maklumat adalah satu proses dalam mengekodkan mesej sehingga mesej disimpan, dikeluarkan dan dimanipulasi dan secara fungsinya seterusnya mengubah pemikiran seseorang individu. Oleh itu, maklumat boleh dikatakan sebagai sesuatu yang bergantung kepada cara seseorang berfikir.

Komunikasi boleh dijelaskan satu proses pertukaran atau perkongsian maklumat antara satu pihak dengan yang lain. Komunikasi yang berkesan pula dipercayai berupaya dalam mempengaruhi pemahaman dan pengetahuan seseorang. Oleh itu, maklumat dan komunikasi mempunyai hubungan yang rapat (Brown 1997). Secara ringkas, komunikasi boleh dirumuskan sebagai proses penukaran atau penyampaian maklumat.

Teknologi maklumat boleh ditakrifkan sebagai teknologi yang digunakan terutamanya untuk mengurus dan memproses maklumat. Ia menggunakan sains komputer dan teknologi komunikasi untuk merancang, mengembangkan, memasang dan melaksanakan sistem maklumat dan perisian aplikasi.

1.12.2 Aplikasi Dalam Talian (*online*)

Aplikasi dalam talian membawa maksud kepada sesuatu perisian yang hanya dapat diakses apabila ia disambungkan kepada rangkaian internet. Menurut Finn, 1960, hasil teknologi dapat dibahagikan kepada dua, iaitu aplikasi secara dalam talian (*online*) dan aplikasi tanpa talian (*offline*). Kedua-dua rekaan aplikasi memainkan peranan yang sama dapat mempermudah tugas pengurusan maklumat kepada manusia. Dalam kajian ini, yang dimaksudkan dengan aplikasi atas talian adalah aplikasi yang tersedia di internet iaitu *Google Classroom*.

1.12.3 Google Classroom

Google Classroom adalah salah satu aplikasi terdapat dalam *google apps* yang memberikan kemudahan untuk diaplikasikan secara dalam talian (*online*). Kemudahan *Google Classroom* dapat diperoleh dan diakses secara percuma. *Google Classroom* adalah bertujuan untuk mempermudah proses perkongsian fail menjadi lebih sistematik antara guru dan pelajar.

Google Classroom telah menggabungkan perisian-perisian seperti *Google Drive*, *Google form*, *Google meet*, *Google Calendar* dan *G-mail* yang membolehkan pengguna untuk penciptaan dan pengedaran tugas, berkomunikasi, dan juga penjadualan. Sebagai contoh, Aplikasi *Google meet* membolehkan pelajar boleh menyertai kelas melalui kod kelas masing-masing. Kod kelas biasanya diberikan secara selaras oleh guru-guru di sekolah. Tambahan pula, pengurusan fail menjadi senang kerana setiap kelas dapat menguruskan fail secara berasingan dalam Drive pengguna masing-masing. Hal ini memudahkan pelajar untuk menghantar kerja supaya dinilai oleh guru. Pengguna *Google Classroom* membolehkan murid menghantarkan kerja rumah dengan mengambil gambar dan muat naik ke atas platform yang disediakan oleh guru masing-masing. Pada masa yang sama, guru pula boleh membuat pengumuman dan memberikan tugas kepada anak murid dengan penggunaan *Google Classroom*. Fungsi peringatan akan dihantar melalui e-mel penggunaan supaya memastikan segala maklumat disampaikan kepada pengguna tersebut.

Dengan ini, guru boleh memantau kemajuan untuk setiap pelajar secara dalam talian. Proses penilaian dapat dilaksanakan dan guru boleh kembali kerja, bersama-sama dengan komen tanpa mengira masa dan tempat.

1.12.4 Pembelajaran maya (Virtual Learning Environment)

Persekitaran pembelajaran maya (VLE) adalah platform dalam talian yang digunakan untuk tujuan pendidikan. Ia merangkumi semua persekitaran dalam talian yang bertindak sebagai tambahan kursus, sama ada kursus dalam talian, sumber bacaan dan laman maklumat dengan penilaian kemahiran yang berdiri sendiri, atau bentuk pembelajaran maya yang lain. Pada pendapat penyelidik, pembelajaran maya adalah pembelajaran yang berasaskan penggunaan internet sebagaimana yang diutarakan oleh (Norafida dan Othman, 2000; Jamaludin, 2000; Rheingold, 2004)

Menurut Jamaludin (2000) pembelajaran maya adalah satu kaedah memperoleh ilmu atau pengetahuan dengan menggunakan sistem atau pelantar pendidikan bagi membolehkan perubahan pemikiran, sikap dan tingkahlaku seseorang individu melalui pengalaman yang diuruskan melalui suatu sistem secara dalam talian (online).

1.12.5 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC)

Secara umumnya, pembelajaran merupakan proses yang boleh menghasilkan perubahan kognitif dan tingkah laku terhadap seseorang individu. Pembelajaran menggalakkan seseorang individu memperoleh ilmu pengetahuan dan pengalaman baru melalui kaedah yang bersifat sistematik. Dalam proses pembelajaran formal, murid dapat menimba ilmu pengetahuan melalui pelbagai teknik pengajaran seperti proses pemerhatian, penerokaan, eksperimen, penyoalan, dan sebagainya. Seterusnya segala maklumat yang diperolehi melalui kaedah di atas akan dikumpul, diproses dan dianalisis supaya membina ilmu pengetahuan atau konsep yang baharu (Kamarudin Husin, 2010).

Pemudahcaraan menjelaskan peranan-peranan guru dalam proses menyapaikan ilmu pengetahuan. Anataranya merangkumi teknik penerokaan, merancang, menyediakan, melangsungkan, mengstrukturkan dan membuat penyelidikan terhadap kepelbagaian aktiviti yang berpusatkan murid. Mengikut dasar Pendidikan abad-ke21, guru digalakkan mengemukakan soalan-soalan yang dapat mencabar minda murid dan menggunakan teknik menyoal yang beraras tinggi secara berperingkat bagi mendorong murid memberi pandangan mereka dalam sesi pembelajaran (BPK,2014h).

1.12.6 Pengetahuan

Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan merupakan suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Pengetahuan terbina melalui proses asimilasi melalui pengalaman sedia ada dan pengalaman baru. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mentafsirkan pengetahuan sebagai maklumat sedia ada dalam diri guru terhadap teknik penggunaan aplikasi *Google Classroom*.

1.12.7 Kesediaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kesediaan membawa maksud kepada kesanggupan dan kemampuan seseorang individu kepada sesuatu situasi atau perkara.

Menurut Ismail Zain (2012), kesediaan merupakan satu bentuk proses asimilasi dari aspek fizikal, mental, dan emosi seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tindakan.

Kesediaan fizikal: Kesediaan fizikal merujuk kepada individu bersedia dalam bertindak atau melakukan sesuatu tugas.

Kesediaan mental: Kesediaan mental merujuk kepada kemampuan seseorang individu memberi fokus, menetapkan matlamat, mempunyai pemikiran secara kritis dan kreatif dalam penyelesaian sesuatu masalah bukan semata-matanya mengikut nafsu.

Kesediaan emosi (kejiwaan): Tindakan seseorang biasanya dipengaruhi oleh emosi sendiri. Individu yang mempunyai kestabilan emosi mempunyai kemampuan dalam

mengawal kelakuan, fikiran dan membuat keputusan dengan yakin lagi bersemangat dalam menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi secara berfokus.

Kesediaan guru dalam kajian yang dijalankan adalah merangkumi sejauh mana guru bersedia dari aspek pengetahuan dan sikap dalam penggunaan *Google Classroom*.

1.12.8 Sikap

Meuller (1986) menyatakan sikap adalah gambaran sejauh mana seseorang itu menerima atau menolak sesuatu benda atau perubahan dalam kehidupan harian. Tambahan pula, sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu pula menggambarkan kesediaan mereka terhadap melakukan sesuatu. Kepercayaan seseorang individu pula dapat diketahui melalui sikap yang ditunjukkan oleh mereka. Menurut Aiken (2000), sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap sesuatu situasi dan konsep pada seseorang. Menurut Abd Rashid (2001), sikap merupakan salah satu fact tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran. Dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc).

1.13 Rumusan

Secara ringkasnya, pengkaji telah membincangkan dan memperkenalkan kajian yang dijalankan dalam bab ini. Disamping pula, pemasalahan kajian pula dijelaskan dengan teliti terhadap masalah dan cabaran yang dialami oleh guru sekolah rendah di daerah Kluang dalam penggunaan teknologi. Penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran berperanan dalam menjadikan proses Pdpc menarik dan berkesan. Oleh itu, kajian dilaksanakan demi mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru dalam penggunaan *Google Classroom* dan hubungan antara tahap

pengetahuan, kesediaan dan sikap guru dalam penggunaan *Google Classroom* yang dapat membantu memudahkan proses Pdpc.

RUJUKAN

- Aakers dan Myers. 1997. *Advertising Management*. New Jersey: Prentice Hall.
- Abdelhai (2019). Knowledge and understanding of *Google Classroom* as a Teaching and Learning Tool: A Case Study. *International Journal of Advanced Science and Technology*. Vol. 28, No. 8s, (2019), pp. 687-695
- Agarwal, H., & Pandey, G. N. (2012). Impact of E-Learning in Education. *International Journal of Science and Research (IJSR)*.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Al-Awidi, Hamed & Aldhafeeri, Fayiz. (2017). Teachers' Readiness to Implement Digital Curriculum in Kuwaiti Schools. *Journal of Information Technology Education: Research*. 16. 105-126. 10.28945/3685.
- Ali, N., Tretiakov, A. & Whiddett, D. (2014). A content validity study for a knowledge management systems success model in healthcare. *Journal of Information Technology Theory and Application* 15(2): 21–36.
- Azwar, S. (2010). *Sikap Manusia Teori dan Pengukurannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Beal, V. (2017). *Google Classroom*. Retrieved April 25, 2017, from Webopedia: <http://www.webopedia.com/TERM/G/google-classroom.html>
- Bondarenko, O., Mantulenko, S. and Pikilnyak, A. (2019). *Google Classroom as a Tool of Support of Blended Learning for Geography Students*. *Ceur-ws*, 2257: 1-17
- Buche, M. W., Davis, L. R., & Vician, C. (2012). Does technology acceptance affect e-learning in a nontechnology-intensive course?. *Journal of Information Systems Education*, 23(1), 41-50. Retrieved from: <https://digitalcommons.mtu.edu/business-fp/132>
- Chin, S. F. (1993). Tahap literasi komputer oleh guru-guru ketukangan di Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah. Tesis UTM.
- Cox, J. (2009). teachhub. Retrieved from teachhub:

<http://www.teachhub.com/benefits-technology-classroom>

Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Los Angeles: SAGE Publications. Inc.

Davis, F. D. (1985). *A technology acceptance model for empirically testing new end-user information systems: Theory and results* (Unpublished Doctoral dissertation). Massachusetts Institute of Technology, Cambridge, MA.

Fatimah Binti Abdul Rashid, Hasmadi Bin Hassan (2019). *Analisis Tahap Kesiapan Guru Terhadap 1Bestarinet dari Aspek Jantina, Bangsa, dan Usia*. Universiti Malaysia Pahang Press ISSN: 2289-7216 (PRINT), e-ISSN: 2600-8815 (ONLINE) IJHTC Issue 6, Vol 1 Desember 2019. Pp31-39

Field, A. (2009). *Discovering Statistics using SPSS* (3rd ed.). Sage.

Fraenkel, J. R., & Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc.Graw-Hill Inc.

Google. (2018). *How do I sign in to Classroom?* Diambil kembali dari Google: <https://support.google.com/edu/classroom/answer/6072460?co=GENIE.Platform%3DDesktop&hl=en>

Guri-Rosenblit, S. (2005). 'Distance education' and 'e-learning': Not the same thing. *Springer*, 467–493.

Heggart, K. R., & Yoo, J. (2018). *Getting the Most from Google Classroom: A Pedagogical Framework for Tertiary Educators*. *Australian Journal of Teacher Education*, 43(3). Retrieved from <http://ro.ecu.edu.au/ajte/vol43/iss3/9>

Howitt, D. and Cramer, D. (2008). *Introduction to Research Methods in Psychology* (2nd Edition). England: Pearson Education Limited.

Howitt, D. and Cramer, D. (2011). *Introduction to Research Methods in Psychology* (3rd ed). London: Pearson.

Iftakhar, S. (2016). *Google Classroom: What Works and How?* *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 3, , 7.

Izenstark, A. and Leahy, K.L. (2015), "Google Classroom for librarians: features and opportunities", *Library Hi Tech News*, Vol. 32 No. 9, pp. 1-3. <https://doi.org/10.1108/LHTN-05-2015-0039>

Jamaludin Mohaidin (2000), *Kesedaran dan Pembelajaran Maya, Konvensyen Pendidikan UTM 2000*, Sekudai Johor.

Janzen, M. (2014, December 04). Hot team: *Google Classroom*. Retrieved from The Pennsylvania State University: <http://tlt.psu.edu/2014/12/04/hotteam-google-classroom/>

Kaukab Abid Azhar, Nayab Iqbal (2018). Effectiveness of *Google Classroom*: Teachers' Perceptions. *PRIZREN SOCIAL SCIENCE JOURNAL / Volume 2, Issue 2; May - August 2018 / ISSN: 2616-387X*

Kaviza, M. (2021). Hubungan antara Penggunaan Aplikasi *Google Classroom* Terhadap Pencapaian dalam Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 61 - 69. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.639>

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.

Khodijah Abdul Rahman., Siti Zaharah Mohid. Roslinda Ramli. (2018). Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor. *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.Proceeding of IC-ITS 2018 e-ISBN:978-967-2122-64-74thInternational Conference on Information Technology & Society*

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610

Lilian C. Kimaiyo, Kisilu .M. Kitainge, Jackson Too. Influence of Trainee Teacher Philosophy about Teaching and Learning on Integration of Computer Technology into Future Teaching Practices. *American Journal of Applied Psychology*. (2016); 4(1):17-22. doi: 10.12691/ajap-4-1-3.

Louho, R., Kallioja, M., and Oittinen, P. 2006. "Factors Affecting the Use of Hybrid Media Applications," *Graphic Arts in Finland* (35:3), pp 11-21.

May Chiun Lo, Ramayah T., & Abang Azlan Mohamad (2015). Does Intention Actually Lead to Actual Usage? A Study of an E-learning System among University Students in Malaysia. *Croatian Journal of Education*, 17(3), 835-863. (SSCI ISI Impact Factor: 0.034)

M. Kaviza (2010). Hubungan antara Penggunaan Aplikasi *Google Classroom* Terhadap Pencapaian dalam Pembelajaran Sejarah. [10.47405/mjssh.v6i1.639](https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.639).

Mohd.Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan ." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Puad, Mohd Hazwan & Rosli, Nur. (2019). Persepsi Sikap, Kemahiran, dan Kesediaan Bakal Guru Terhadap Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Sains Pertanian. *Graduate Research In Education SEMINAR (GREduc) 2019*, 050.

Murat Tezer, Doğuş Beyoğlu (2014), How do Preservice Teachers' Readiness and Attitudes towards Mobile Learning Affect their Acceptance of Mobile Learning Systems? TEM Journal. Volume 7, Issue 4, Pages 875-885, ISSN 2217-8309

Mustafina, A. (2016). Teachers' attitudes toward technology integration in a Kazakhstani secondary school. International Journal of Research in Education and Science (IJRES), 2(2), 322-332.

Narjes Ebrahimi Seraji, Roya Sediq Ziabari, Seyed Jalal Abdolmanafi Rokn (2017). Teacher's Attitudes towards Educational Technology in English Language Institutes. Canadian Center of Science and Education. International Journal of English Linguistics; Vol. 7, No. 2

Noradilah Aziz, Lai Wei Sieng(2019), Persepsi Pelajar Terhadap Kebolehpasaran Graduan dalam Era Revolusi Perindustrian 4.0. Jurnal Personalia Pelajar 22(2): 121-127

Noraniah, Nor Haizan & Razana, (2000), Memodelkan Modul Pengajaran Dalam Pendidikan Jarak Jauh, Konvensyen Pendidikan UTM 2000, Sekudai Johor.

Nor Azilah Ngah, Z. (1997). Perception Of In-Services Teachers On The Use Of Computer. Malaysian Educational Technology Assosiation 10th Convention. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Nur Alim, Wa Linda, Fahmi Gunawan, Mohd Shamsuri Md Saad (2019). The Effectiveness Of *Google Classroom* as an Instructional Media: A Case of State Islamic Institute of Kendari, indonesia humanities & social sciences reviews eISSN: 2395-6518, Vol 7, No 2, 2019, pp 240-246. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7227>

Nurun Najwa binti Mohammad Mustafa, Macliffon Tembak Sinau, Alloon J. Basinau (2021). Pengajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya –Pelaksanaan Melalui Sistem Pengurusan Pembelajaran. International Conference on Business Studies and Education (ICBE) e-ISBN: 978-967-18414

Razali, N.Z., Bahador, Z. & Saidon, M.K. (2016). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan VLE Frog Dalam Kalngan Guru di Sekolah Menengah. Proceedings of ICECRS, 1023-1032, Dicapai daripada <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Rheingold, H. (2004), Virtual Learning Enviroment (VLE), <http://www.thefeature.com/articleid=100499&ref=2337881>

Rikala, J., Hiltunen, L., & Vesisenaho, M. (2014). Teachers' attitudes, competencies, and readiness to adopt mobile learning approaches. In 2014 IEEE Frontiers in Education Conference Proceedings (pp. 2529-2536). IEEE. Retrieved from https://www.dropbox.com/s/36iu8ozq7nogi3z/FIE2014_Proceedings.pdf

Sidhu et al., G. K. (2019). Knowledge and Understanding of Google Classroom as a Teaching and Learning Tool: A Case Study. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 28(8s), 687 - 695. Retrieved from <http://sersc.org/journals/index.php/IJAST/article/view/932>

Suzlina Hilwani Baharrudin, Jamaludin Badusah (2016). Tahap penggunaan guru terhadap aplikasi Web 2.0 dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu. *ISSN: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 2 (Nov. 2016): 33-43*

Tajul Ariffin (1997). Pendidikan sepadu: Etika, moral & nilai. *Fakulti Pendidikan: Penerbitan UKM. Utusan Online (2015). Dicapai pada 22 Oktober, 2015 daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jerebu-guru-disaran-guna-vle-teruskan-pdp-1.149202>*

Vakola, M. (2013). Multilevel Readiness to Organizational Change: A Conceptual Approach. *Journa of Change Management*, 13(1), 96-109.

Venkatesh, V .; Morris; Davis; Davis (2003), "Penerimaan Pengguna Teknologi Maklumat: Ke Arah Pandangan Bersatu", *Suku Tahunan MIS*, 27, hlm. 425–478